

13 NOV 1999

Mokhtar-Calon

SENARAI CADANGAN CALON BN TERENGGANU DISERAH DUA-TIGA HARI LAGI

KUALA TERENGGANU, 13 Nov (Bernama) -- Senarai nama mereka yang dicadang sebagai calon Barisan Nasional (BN) di negeri ini pada pilihan raya umum 29 Nov ini akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam masa dua tiga hari lagi, kata Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Wan Mokhtar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu berkata semua bahagian telah diberi tempoh tiga hari selepas pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Khamis lepas dan setakat ini beberapa bahagian telah mengemukakan senarai mereka.

Terengganu mempunyai lapan kawasan Parlimen dan 32 kawasan DUN.

"Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) telah mengadakan pemuafakatan dan tidak timbul masalah dalam pembahagian kerusi," kata Wan Mokhtar yang juga Pengerusi BN Negeri selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri malam tadi.

Beliau berkata segala keputusan mengenai pemilihan calon terserah kepada Dr Mahathir selaku Presiden Umno dan Pengerusi BN, dan semua anggota BN hendaklah menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan kemenangan BN.

"Mereka yang tidak terpilih diminta turut memberikan kerjasama mereka kepada calon yang terpilih... buatlah kerja bersama untuk memenangkan calon kita (BN)."

Wan Mokhtar berkata BN Terengganu akan menurunkan sekurang-kurangnya tujuh muka baru untuk DUN dan satu bagi kawasan Parlimen iaitu bagi kawasan yang dimenangi pembangkang, Pas pada pilihan raya 1995.

Tujuh kerusi DUN itu ialah Manir, Wakaf Mempelam, Batu Buruk, Teluk Pasu, Tepoh, Alor Limbat dan Rhu Redang manakala kawasan Parlimen ialah Marang.

Beliau juga berkata Terengganu akan mengekalkan tradisi tidak menurunkan calon wanita bertanding pada pilihan raya kali ini dan ia telah dipersetujui oleh semua pihak berkenaan.

"Oleh kerana tidak ada calon wanita di negeri ini, kita gantikan mereka dengan kerusi lain seperti Senator dan ahli majlis perbandaran," katanya.

Menurutnya Umno akan bertanding di semua kawasan Parlimen dan 31 DUN manakala MCA pula bertanding di kawasan DUN Bandar.

Wan Mokhtar berkata semua bahagian telah membuat persediaan yang rapi dan BN negeri telah mengatur kempen yang melibatkan pemimpin tempatan dan dari luar terutama pemimpin dari Kelantan.

Menurutnya jentera pilihan raya BN telah digerakkan dan sedang membuat segala persiapan untuk mengiringi bakal calon BN pada hari penamaan calon dan pengundi nanti.

Beliau berkata mesyuarat BN negeri akan diadakan dalam masa terdekat ini untuk memastikan kelancaran jenteranya.

Wan Mokhtar juga menyeru parti-parti pembangkang supaya mengikut segala peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan sewaktu menyertai pilihan raya umum ini.

Sebagai contoh, katanya, mereka hendaklah mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan sebelum memasang simbol parti di tempat-tempat awam.

-- BERNAMA

SBS NMO